

TARIKH: 16/9/23.
SURAT KHABAR: *utusan Malaysia*.
MUKA SURAT: 35

Perluas caruman Perkeso kepada pembantu gerai

JASIN: Para penjaja di Melaka berharap caruman skim keselamatan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang diwajibkan ke atas mereka bermula Disember depan turut diperluaskan kepada pembantu gerai.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, rata-rata penjaja ditemui menyambut baik usaha kerajaan negeri mewajibkan caruman Perkeso ke atas penjaja dan peniaga yang memohon lesen baharu atau memperbaharui lesen perniagaan sedia ada.

Peniaga, Yunus Keling, 59, berkata, arahan terbaru itu dilihat sebagai usaha kerajaan negeri dalam membela nasib kelompok berkenaan.

Bagaimanapun katanya, individu yang bekerja sebagai pembantu gerai juga perlu diberi perlindungan sama seperti diterima penama dalam lesen perniagaan.

"Saya berniaga bersama anak dan lesen pendaftaran perniagaan pun atas nama anak. Kalau boleh perlindungan Perkeso ini turut diberikan kepada pembantu gerai seperti saya kerana saya juga berisiko mendapat kemalangan."

"Saya tiada masalah untuk



YUNUS Keling (kanan) membantu perniagaan yang diusahakan anaknya di Selendar, Alor Gajah, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHZAM TAZALI

buat caruman serendah RM46.60 setahun kerana nilai itu masih lagi rendah berbanding manfaat yang akan diterima kelak," katanya ketika ditemui.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, bermula Disember depan, peniaga dan penjaja di Melaka diwajibkan mencarum skim Perkeso sebelum membuat

permohonan lesen baharu atau memperbaharui lesen perniagaan sedia ada.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh berkata, beliau telah meminta semua pihak berkuasa tempatan (PBT) bekerjasama dengan Perkeso bagi memastikan inisiatif melestarikan rakyat itu dapat dilaksanakan.

*utusan
Malaysia
16/9/23
ms 35*